

# Sampah punca denggi

Metro 2015/12 MS 18

>>Oleh HAYATI IBRAHIM  
ya\_t@hmetro.com.my

**S**ALAK TINGGI: Masalah kutipan sampah tidak berjadual dikenal pasti antara punca Selangor menjadi negeri yang mencatatkan kes demam denggi paling tinggi

di negara ini, iaitu menyumbang kepada 50 peratus daripada jumlah kes keseluruhan di seluruh negara.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Liow Tiong Lai berkata, jika sampah tidak dikutip mengikut jadual dan tempat pembuangan

sampah tidak dibersihkan secara berkala, ia akan menggalakkan pembiakan nyamuk Aedes.

“Kalau sampah dikutip dalam tempoh dua hingga tiga hari, nyamuk tidak sempat membiak... tetapi jika dibiarkan sehingga seminggu tidak dikutip, nya-

muk Aedes pasti akan membiak kerana ia boleh membiak dengan mudah walaupun dengan hanya sedikit air.

“Telur nyamuk Aedes sangat tahan lasak, kalau air sudah kering pun ia masih boleh hidup dalam tempoh enam bulan setahun... kalau

ada air balik ia boleh menetas, sebab itu sampah perlu dikutip secara berkala dan mengikut jadual,” katanya pada sidang media selepas merasmikan Kempen Cara Hidup Sihat 2012 sempena Hari Tanpa Tembakau, Asma, Tibi, Buah Pinggang dan Kesihatan Sedunia, di Institut Kemahiran Belia Tinggi Negara (IKBTN), di sini, semalam.

Hadir sama, Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Selangor, Datuk Dr Azman Abu Bakar dan Pegawai Kesihatan Daerah Sepang, Dr Ruhaini Ismail.

Liow berkata, kepadatan penduduk tinggi juga dikesan sebagai punca wabak denggi mudah merebak di Selangor, memandangkan ada banyak kawasan perumahan di negeri itu, selain kawasannya yang luas dan memabitkan lebih ramai rakyat.

Bagaimanapun, katanya, beliau gembira kerana jumlah kawasan panas (hotspot) di Selangor berkurangan berbanding 15 hingga 20 hotspot satu ketika dulu.

“Kita meletakkan Selangor dalam perhatian supaya wabak ini

dapat dikawal. Kita mengadakan pelbagai program seperti kempen bergerak, mengedarkan ubat jentik-jentik, semburan kabus dan kempen kesedaran untuk mengawal wabak ini.

“Namun Kementerian tidak mampu mengawal secara keseluruhannya, dan kita memerlukan kerjasama pelbagai pihak, termasuk pihak berkuasa tempatan (PBT), orang ramai dan penduduk kawasan perumahan dengan mengadakan gotong royong serta membersihkan kawasan kediaman mereka.

“Hanya dengan pembabitkan semua pihak, baru kita dapat memerangi wabak denggi di negara ini kerana kita tidak akan berjaya memeranginya melainkan dengan pembabitkan komuniti,” katanya.

Sementara itu, beliau berkata, Kementerian akan mempergiatkan program saringan kesihatan ke seluruh negara bagi mengesan individu yang mempunyai penyakit tidak berjangkit (NCD), sejajar dengan usaha mengurangkan jumlah pesakit terabit.